

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 SEPTEMBER 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Jerebu dijangka berkurangan Selasa - MOSTI	Bernama.com
2	Jerebu: 9 kawasan catat IPU tidak sihat	Utusan Malaysia
3	More rain expected from next month	The Star
4	Fenomena gerhana bulan berdarah tarik perhatian dunia	Kosmo
5	Aktiviti pencerapan matahari sempena program WSW2015 di Planetarium Negara	Bernama.com
6	Saringan peringkat kedua daun rerama	Harian Metro
7	MAMPU sasar 734 penganugerahan EKSA pada 2017	Bernama.com



Jerebu Dijangka Berkurangan Selasa - Mosti

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Keadaan jerebu di negara ini dijangka berkurangan petang Selasa susulan perubahan arah angin selepas Taufan Dujuan diramal melanda Taiwan dan bahagian timur China.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau berkata Malaysia akan kembali mengalami angin dan cuaca lazim musim antara monsun dengan angin lemah pelbagai hala dan cuaca lebih lembap terutamanya bagi negeri-negeri di pantai barat Semenanjung.

Katanya keadaan jerebu teruk di beberapa tempat terutamanya di kawasan tengah dan selatan Semenanjung, dan barat Sarawak beberapa hari lepas adalah disebabkan oleh tiupan angin dari selatan dan barat daya.

"Arah angin tersebut telah menyebabkan negara mengalami jerebu rentas sempadan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, katanya negara masih berisiko untuk kembali dilanda jerebu rentas sempadan jika arah angin adalah dari selatan dan barat daya.

"Negara kita bernasib baik kerana arah angin dari kebakaran hutan di Gunung Lokon di Provinsi Sulawesi Utara, Indonesia tidak menghala ke rantau kita dan kedudukannya juga jauh," katanya.

Dalam pada itu, Madius menegaskan Jabatan Meteorologi Malaysia bertanggungjawab untuk memantau elemen cuaca termasuk jarak ketampakan melalui stesen-stesen meteorologi seluruh negara khasnya untuk operasi penerbangan dan tidak memantau Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

-- BERNAMA

Jerebu: 9 kawasan catat IPU tidak sihat

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Keadaan jerebu yang melanda negara masih lagi tidak beransur pulih sepenuhnya apabila sebanyak sembilan kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara tidak sihat melebihi 100 setakat pukul 5 petang ini.

Mengikut Portal Jabatan Alam Sekitar, Bandaraya Melaka mencatat bacaan IPU tertinggi berbanding kawasan lain iaitu 136, diikuti Bukit Rambai (124), Muar (122) dan Samarahan (117).

Selain itu, lima lagi kawasan yang turut mencatat IPU tidak sihat ialah Kuching (116), Larkin Lama (116), Pasir Gudang (115), Port Dickson (111) dan Seremban (104).

Bagaimanapun, Shah Alam yang mencatat IPU paling tinggi semalam iaitu berada pada tahap 185 kian beransur pulih apabila mencatat bacaan 84.

Dalam pada itu, 28 kawasan berada pada tahap sederhana iaitu bacaan 51-100 manakala 13 kawasan lain kini mencatat IPU baik di bawah 50.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Ga-

yah Ismail berkata, cuaca di seluruh negara terutama kawasan Pantai Barat Semenanjung akan lebih lembap sepanjang musim antara monsun sepanjang Oktober nanti berikutan perubahan arah angin.

"Pada masa ini, masalah yang sedang dihadapi ialah apabila angin yang bertiup dari barat daya membawa jerebu rentas sempadan dari Kalimantan dan Sumatera menyebabkan cuaca agak kering.

"Bagaimanapun, kini perubahan arah angin yang berlaku membantu mengatasi masalah jerebu kerana arah angin sebenarnya yang membawanya. Jika arah angin tidak berubah, jerebu masih lagi berlaku walaupun dengan kehadiran hujan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau dalam kenyataannya berkata, negara kita masih berisiko untuk kembali dilanda jerebu rentas sempadan jika arah angin adalah dari selatan dan barat daya.

Katanya, negara bernasib baik kerana arah angin dari kebakaran hutan di Gunung Lokon di Sulawesi

info

IPU

Tidak sihat

Bandaraya Melaka	136
Bukit Rambai	124
Muar	122
Samarahan	117
Kuching	116
Larkin Lama	116
Pasir Gudang	115
Port Dickson	111
Seremban	104

* Sehingga pukul 5 petang

si Utara, Indonesia tidak menghala ke rantau kita dan kedudukannya juga jauh.

"IPU di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar sementara Jabatan Meteorologi pula memantau elemen cuaca termasuk jarak ketampakan melalui stesen-stesen meteorologi seluruh negara, khasnya untuk operasi penerbangan.

"Semasa jerebu teruk, jarak penglihatan di beberapa lapangan terbang seperti Kuching dan Subang adalah antara 200 meter hingga 800 meter dan memaksa operasinya ditutup," katanya.

More rain expected from next month

PETALING JAYA: More rain is expected from October when the wind pattern changes.

Meteorological Department spokesman Dr Hisham Mohd Anip said the wind is expected to start changing its direction by late tomorrow.

"The impact will be seen the following day. We can expect more rain to come after that," he said.

Dr Hisham said most of the rain would be in the northern states and Kelantan.

The department's atmospheric science and cloud seeding division director Maznorizan Mohamad said they would activate cloud seeding operations depending on weather conditions.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the weather conditions in Malaysia were influenced by the presence of Typhoon Dujuan in Taiwan.

"Generally, many places are not expected to receive rain. However, based on the weather patterns, there can be early morning showers in some areas of the west coast and west of Sabah," he said in a statement yesterday.

He said the hazy conditions were due to south-west winds from Sumatra and Kalimantan.

Based on satellite images, four hotspots in Kalimantan and 61 hotspots in Sumatra were detected. No hot spots were detected in Malaysia.

As of 5pm yesterday, nine areas recorded unhealthy Air Pollutant Index (API) readings. The areas were Larkin Lama (116), Muar (122), Pasir Gudang (115) in Johor, Malacca (136), Port Dickson (111) and Seremban (104), Kuching (116) and Samarahan (117) in Sarawak.

Fenomena gerhana bulan berdarah tarik perhatian dunia

Oleh FAHMY AZRIL ROSLI

KUALA LUMPUR—Masyarakat dunia semalam berpeluang menyaksikan fenomena unik gerhana bulan penuh atau lebih dikenali gerhana bulan berdarah (Super Blood Moon) yang hanya berlaku sekali dalam tempoh 18 tahun.

Ia dipanggil gerhana bulan berdarah kerana permukaannya kelihatan seperti berdarah dek warna kemerah-merahan semasa ditutupi bayang bumi.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Mohd. Zamri Shah Mastor berkata, di Malaysia, fasa fenomena tersebut bermula pada pukul 9.07 pagi dan berakhir pukul 12.27



INILAH gerhana bulan berdarah yang berlaku semalam dan menarik perhatian masyarakat dunia.

tengah hari semalam.

Bagaimanapun, menurutnya, rakyat negara ini terlepas peluang menyaksikan gerhana terse-

but kerana ketika itu ia berlaku pada waktu siang.

"Sebenarnya, waktu paling sesuai untuk melihat kejadian gerhana bulan berdarah ialah pada malam hari. Kali terakhir rakyat Malaysia melihat fenomena itu ialah 33 tahun lalu iaitu pada tahun 1982.

"Bagi mereka yang berada di negara yang terletak di benua Amerika, Eropah, Afrika dan Asia Tengah, fenomena gerhana bulan berdarah boleh disaksikan secara jelas. Ketika itu, mereka dapat melihat bulan 14 peratus lebih besar berbanding semasa gerhana bulan penuh pada April lepas," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



Aktiviti Pencerapan Matahari Sempena Program WSW2015 Di Planetarium Negara

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Orang ramai berpeluang mengikuti aktiviti pencerapan matahari dan lawatan ke Balai Cerap Planetarium Negara bersempena Program Minggu Angkasa Sedunia 2015 (WSW2015), bermula Ahad ini.

Menurut kenyataan Agensi Angkasa Negara (Angkasa) hari ini, aktiviti itu akan diadakan setiap hari pada sepanjang program selama seminggu bertema 'Discovery'.

Selain itu, sesi khas penerangan simulasi langit malam menggunakan sistem kubah berdigital yang memberi gambaran sebenar peta langit bakal menarik minat pengunjung di samping tayangan filem 'Astronaut' pada pukul 12 tengah hari sepanjang WSW2015.

"Angkasa turut menjemput Duta Gundam Malaysia, Adik Nurul Eeman Mansor memberi penerangan 'Gundam in Space' dan demonstrasi membina patung Gundam serta aktiviti Si Cilik Angkasa kepada kanak-kanak berusia empat hingga 10 tahun," menurut Angkasa, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Selain program ANGKASATalk, Angkasa akan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan wacana bertajuk 'Etosains dan Ilmu Falak: Merintis Malayonesia'.

Tarikh 4 Okt dipilih sebagai permulaan sambutan Minggu Angkasa Sedunia bersempena tarikh kejayaan manusia meneroka angkasa dan pelancaran Sputnik 1 manakala 10 Okt pula bersamaan dengan tarikh penandatanganan triti angkasa lepas.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan melayari <http://planetarium.angkasa.gov.my> atau Facebook dan Twitter: Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) atau menghubungi 03-2273 4303. Untuk pendaftaran, orang ramai boleh menghantar e-mel kepada planetariumweb@angkasa.gov.my.

-- BERNAMA

Saringan peringkat kedua DAUN RERAMA

UPM jalankan penyelidikan terhadap tikus untuk hasilkan ubat bagi penyakit barah



INOVASI

Oleh Azman Zakaria
rencana@metro.com.my

Umm mengetahui barah antara penyakit yang sukar diubati dan pelbagai penyelidikan dilakukan banyak pihak untuk mencari serta menghasilkan ubat.

Selain kaedah perubatan terbaik terhadap penyakit yang boleh membawa maut ini.

Usaha berterusan penyelidikan mungkin dapat merintis jalan menemui ramuan atau ubat yang berkesan untuk menangani penyakit yang digeruni ini.

Kajian awal Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap tumbuhan yang dikenali daun rerama atau red butterfly wing atau nama saintifiknya *Christia Vespertilionis* ini, mendapati ia menunjukkan ciri-ciri antibarah dan antikekutan.

Justeru, UPM bakal menjalankan penyelidikan selanjutnya dengan melakukan saringan dan ujian praklinikal peringkat kedua terhadap daun rerama.

Pensyarah dan penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Madya Dr Latifah Saiful Yazan berkata, kajian peringkat kedua ini bakal dijalankan terhadap haiwan (in vivo).

"Dalam kajian itu nanti, sel barah payudara disuntik ke dalam tikus dan kemudian ia dirawat dengan ekstrak daun rerama.

"Kajian peringkat kedua itu bakal menggunakan sebahagian daripada Enterprise Innovation Fund (EIF) sebanyak RM300,000 yang diperuntukkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)," katanya.

Dr Latifah berkata, saringan pertama yang dilakukan pada 2013 secara in vitro, menggunakan



KHAMARUL Rezan menunjukkan pucuk daun rerama.



"Kajian peringkat kedua itu bakal menggunakan sebahagian daripada Enterprise Innovation Fund (EIF) sebanyak RM300,000 yang diperuntukkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)"


DR LATIFAH

ekstrak daun rerama terhadap enam jujukan sel barah yang sukar dirawat termasuk barah payudara, peparu, usus besar, serviks dan ovari, mendapati sel yang paling sensitif ialah sel barah payudara.

Katanya, saringan kedua ini juga bakal meneliti profil kimia daun rerama.

"Tanaman daun rerama ini diusahakan Khamarul Rezan Lim Abdullah, 58, ia dikatakan bukan saja berkesan membantu merawat barah, tetapi turut berupaya merawat penyakit denggi, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, masalah usus (seperti gastrik, sembelit dan cirit birit), asma, migrain, resdung dan demam campak.

"Bagi kajian ini, Khamarul Rezan bakal membekalkan daun rerama berkenaan. Beliau mula menanam semula pokok ini yang bakal matang dalam



DAUN rerama dipercayai boleh membantu merawat barah.

tempoh tiga bulan sebelum daunnya boleh diambil untuk kajian.

"Selain untuk penanaman semula pokok, dana

berkenaan juga digunakan untuk pembelian beberapa peralatan seperti mesin pengering, mesin penghancur dan mesin pembung-

kus serta untuk penjaminan produk," katanya.

Menurutnya, secara umumnya ekstrak daun rerama ini tidak menda-

tangkan kesan sampingan kepada pengguna.

"Kaedah rawatan yang digunakan ialah meminum rebusan air daun rerama ini, sebagaimana konsep merendam dan meminum air teh.

"Daun rerama terdapat dalam pelbagai warna, tapi yang digunakan untuk penyelidikan bagi tujuan perubatan ialah daun rerama yang berwarna hijau.

"Pokok ini boleh mencapai ketinggian kira-kira dua meter dan bagi mempercepatkan percambahan, pucuknya harus selalu digunting," katanya.



MAMPU Sasar 734 Penganugerahan EKSA Pada 2017

KOTA BAHARU, 28 Sept (Bernama) -- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) menggalakkan lebih banyak agensi kerajaan melaksanakan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi mencapai sasaran 734 penganugerahan EKSA dalam tempoh dua tahun akan datang.

Ketua Pengarahnya Datuk Seri Zainal Rahim Seman berkata pihaknya telah melaksanakan 373 pengauditan EKSA di seluruh negara sejak diperkenalkan pada 2014.

"Daripada pengauditan itu, sebanyak 246 agensi dianugerahkan sijil EKSA termasuk Jabatan Perangkaan Kelantan yang menunjukkan peningkatan kualiti persekitaran kerja selain penambahbaikan kreativiti dan inovasi," katanya kepada pemberita pada majlis penyampaian Sijil EKSA kepada Jabatan Perangkaan Kelantan di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan, Shafizaermawaty Shafei.

Zainal berkata amalan EKSA adalah penjenamaan semula 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal) yang sangat relevan dan bertepatan dengan aspirasi kerajaan dalam pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam kalangan penjawat awam.

Beliau berkata terdapat beberapa elemen penting dalam penilaian EKSA termasuk imej korporat yang menunjukkan peningkatan kualiti, aspek kreativiti dan inovasi yang menerbitkan ciri-ciri kematangan dan penambahbaikan serta elemen mempromosi amalan hijau terutama penjimatan utiliti.

Zainal berkata EKSA bukan sahaja memberi manfaat kepada organisasi dan negara, malah memberi perubahan positif kepada penjawat awam untuk dilatih berfikir di luar kelaziman, bekerja secara kumpulan selain meningkatkan keupayaan melaksanakan tugas dengan lebih baik.

"Selain itu, melalui indikator penilaian EKSA, kita dapat melihat sejauh manakah tahap pencapaian sesebuah organisasi pada masa dahulu dan ketika ini dan unjuran masa depannya," kata beliau.

Beliau, bagaimanapun berkata kaedah 5S masih terpakai di beberapa jabatan awam yang ditadbir oleh agensi tertentu seperti [Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia \(SIRIM\)](#).

"Pada masa depan, kita cadangkan supaya semua agensi kerajaan bersama MAMPU untuk dibuat penilaian bagi menerima EKSA sebagai satu pendekatan baru secara menyeluruh di sektor awam," katanya.

Jabatan Perangkaan Kelantan, sebelum ini pernah mendapat pensijilan 5S bagi tempoh 10 Mei 2013 hingga 10 Mei 2015 daripada MAMPU, sebagai penanda aras persekitaran kerja berkualiti.

-- BERNAMA